

**SEDUTAN  
UCAPAN EDITOR  
BH/BM**

## Giat kongsi kisah kejayaan demi inspirasi masyarakat

BERITA Harian komited memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran, mendekati masyarakat melalui dialog dan menonjolkan kisah kejayaan yang memberi inspirasi kepada semua sedang ekonomi dunia menghadapi masa depan tidak menentu.

Akhbar ini juga gigih berusaha mendekati pembaca muda di kedua-dua media cetak dan edisi digitalnya.

Ini dinyatakan Editor Berita Harian/Berita Minggu (BH/BM), Encik Saat Abdul Rahman, ketika berucap dalam majlis penyampaian Anugerah Jauhari di Hotel Furama RiverFront malam tadi.

Penerima Anugerah Jauhari tahun ini ialah Penolong Pesuruhjaya Kanan (SAC) Polis, Cik Zuraidah Abdullah, manakala Jauhari Harapan ialah juara dunia silat, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin.

Diasaskan BH pada 1999, Anugerah Jauhari mengiktiraf pencapaian dan sumbangan individu Melayu/Islam cemerlang dalam pelbagai bidang.

Akhbar ini turut memperkenalkan Anugerah Jauhari Harapan bagi mengiktiraf pencapaian dan potensi individu Melayu/Islam berusia di bawah 30 tahun pada 2014.

Sementara itu, dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan mutu liputan dalam bentuk digital, BH menyaksikan peningkatan dalam jumlah pembacanya di Internet, yang bertambah setiap bulan sejak BeritaHarian.sg diperkenalkan pada Disember 2013.

Dalam usaha mengekalkan minat pembaca, BH juga mengatur beberapa program bagi semua peringkat umur meliputi kegiatan sukan, kesusteraan dan kesihatan.


Malah, program yang dilaksanakan BH turut mempunyai tujuan amal seperti golf amal yang dianjurkan untuk membantu mengumpul dana bagi program menaik taraf Masjid Al-Muttaqin.

"BH telah bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi dan penyokong untuk mendekati pembaca kami, terutamanya dalam bidang seperti hubungan antara agama dan keharmonian kaum, kesihatan dan pendidikan.

"Sebagai sebuah masyarakat kita perlu bekerja sama bukan sahaja dalam kalangan kita, malah dengan masyarakat lain," ujar beliau.

Sehubungan itu, Encik Saat mengucapkan sedalam-dalam penghargaan kepada penyokong dan penaja utama BH, terutama IMC Organisation, Yayasan S. M. Jaleel, MDIS, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dan TEG.

## 'Petanda' Sheik Farhan kini di landasan yang betul



**ANUGERAH ISTIMEWA:** Juara dunia, Sheik Farhan, memang tidak menjangkakan akan dipilih pemenang Jauhari Harapan 2016. – Foto M.O. SALLEH

► SITI AISYAH NORDIN  
naisyah@sph.com.sg

PENGALAMANNYA muncul juara pertandingan yang pernah disertai semasa kecil dulu masih lagi terpahat dalam ingatan.

Perasara tersebut – gembira tidak terhingga bercampur bangga – mendorong pesilat nasional, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, untuk terus menyimpan keinginan menjadi yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan, terutama sekali dalam bidang yang diminatinya iaitu silat.

Berpegang pada usaha, semangat serta sikap tidak putus asa, Sheik Farhan berjaya merangkul gelaran juara bagi pelbagai peraduan silat; antara pencapaian utamanya adalah apabila beliau ditabalkan sebagai juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, yang diadakan pada awal tahun lalu.

Sumbangan beliau dalam dunia sukan sebagai anggota masyarakat Melayu/Islam telah diiktiraf apabila beliau menerima Anugerah Jauhari Harapan di majlis Anugerah Jauhari Berita Harian yang diadakan di Hotel Furama RiverFront malam tadi.

Anugerah tersebut bertujuan menghargai sumbangan anggota masyarakat Melayu/Islam di Singapura yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang pilihan mereka, termasuk pendidikan, sukan dan seni.

Semasa ditemui di sidang media Anugerah Jauhari pagi semalam, pesilat berusia 19 tahun itu berkata anugerah tersebut adalah satu penghormatan yang amat istimewa baginya.

"Anugerah ini memang bukan sesuatu yang saya jangkakan atau harapkan, kerana pada saya, saya hanya individu biasa yang menyertai peraduan silat seperti orang lain," katanya, yang bergeseg ke sidang media sejurus tiba di tanah air semalam menyusuli pentaytaannya di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda.

Tambahnya lagi: "Walau bagaimanapun anugerah ini seakan isyarat atau petanda bahawa saya sedang menuju ke arah yang betul dan ia mendorong saya untuk meningkatkan pencapaian saya."

Menjawab pertanyaan wartawan sama ada tekanan untuk meningkatkan pencapaiannya itu bertambah selepas penerimaan anugerah itu, Sheik Farhan berkata tekanan untuk beraksi dengan

lebih baik telah pun dirasakan sejak belum ditabalkan juara dunia.

"Namun begitu, saya tidak bersa seperi saya harus memenangi sesuatu kejohanan untuk membuktikan diri saya kepada orang ramai, saya hanya akan berlakuk untuk menjadi yang terbaik untuk diri saya sendiri," katanya.

Tambahnya lagi, beliau merupakan pendorong dirinya sendiri dalam memburu kejayaan.

"Saya tidak memikirkan tentang apa yang orang lain hendak, yang saya tahu ialah saya sendiri menjangkakan yang terbaik daripada diri saya sendiri," kata-nya.

Menyentuh tentang pencapaian bapanya, Sheik Alau'ddin, dalam arena silat, Sheik Farhan berkata bahawa pencapaian bapanya memang sesuatu yang laju biasa.

Katanya: "Sudah tentu saya gembira jika dapat melebihi pencapaiannya, namun itu bukan matlamat utama saya. Sebaliknya, matlamat saya adalah memenangi seberapa kejohanan yang saya serta."

"Saya berpegang pada prinsip bahawa kita seharusnya berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan."